

# Campus Bites

Nurdania Jeffary<sup>1</sup>

Nur Shahida Ab Fatah<sup>2</sup>

Sharifah Milda Amirul<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Kejuruteraan

<sup>2,3</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

## I. PENGENALAN

Campus Bites adalah sebuah inovasi yang berpusatkan pelajar UMS. Menggabungkan kemudahan teknologi mudah alih dengan keperluan unik kehidupan universiti, Campus Bites menawarkan platform untuk pelajar mengakses makanan dan peluang perniagaan serta peluang pekerjaan sambilan

## 2. ISU DAN PERMASALAHAN

1. Ketiadaan platform eksklusif untuk pelajar mempromosikan jualan
2. Kekangan kemudahan mendapatkan makanan terutamanya pada waktu malam
3. Harga makanan yang mahal dan tidak mesra pelajar
4. Keinginan pelajar untuk mencari pendapatan sampingan

## 3. OBJEKTIF

- Membantu mempromosikan produk yang dijual oleh pelajar
- Menyediakan akses kepada makanan yang berkualiti dengan harga yang mesra pelajar
- Menyediakan peluang pekerjaan sampingan sebagai penghantar makanan (*runner*)
- Memupuk semangat kemasyarakatan dan keusahawanan yang kukuh di kalangan pelajar

## 4. KESAN KEPADA PENGGUNA

1. Makanan boleh didapatkan dalam kadar segera dan pada bila-bila masa sahaja bersesuaian dengan jadual pelajar
2. Makanan yang disediakan adalah daripada pelajar sendiri yang menjadikan aksesibiliti tanpa had, memudahkan pencarian makanan
3. Memperkasakan pelajar untuk membuat pilihan yang lebih tepat dan bijak, dengan memberikan keupayaan untuk membandingkan harga dan pilihan dari pelbagai vendor dalam satu platform
4. Membuka peluang bagi pelajar untuk menghasilkan pendapatan sampingan dengan mudah, tanpa perlu meninggalkan kampus, melalui pekerjaan seperti menyediakan makanan dan penghantaran.

## 5. POTENSI KOMERSIAL

- Pasaran pelajar yang aktif : Pelajar UMS, sebagai pengguna yang aktif, cenderung menerima baik aplikasi ini, yang dirancang khusus untuk memudahkan kehidupan kampus mereka
- Daya tarik keusahawanan : Khususnya bagi pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan, "Campus Bites" menawarkan platform praktikal untuk mengembangkan keterampilan keusahawanan mereka di lingkungan yang mereka kenali

## 6. APLIKASI

- Diinspirasikan daripada aplikasi perkhidmatan makanan yang ada di pasaran Malaysia
- Eksklusif kepada pelajar UMS
- Mempunyai sistem ruang bual bagi memudahkan urusan jual beli dan aduan
- Menyediakan pelbagai pilihan pembayaran yang terdiri daripada tunai dan atas talian
- Mempunyai sistem *runner* bagi pelajar